

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LAU WENG SAN
(N52 BANTING)**

TAJUK : KILANG HARAM MENCEMARI ALAM SEKITAR

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah prosedur Kerajaan (PTD dan PBT) untuk meminta TNB bertindak di bawah Seksyen 37 Akta Bekalan Elektrik untuk memotong bekalan elektrik kepada kilang-kilang yang menjalankan kegiatan yang melanggar Akta Kualiti Alam sekitar?

JAWAPAN:

- a) Pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB) adalah tertakluk kepada Akta Bekalan Elektrik 1990 yang tidak memperuntukkan kuasa PBT dalam pemotongan bekalan elektrik kepada kilang-kilang yang menjalankan kegiatan yang melanggar Akta Kualiti Alam Sekitar. Sehubungan itu, pihak TNB hanya boleh memotong bekalan elektrik sesuatu premis dalam kes tertentu iaitu:-
- 1) Tunggakan bill elektrik yang telah tamat notis pembayaran;
 - 2) Didapati kesalahan mengubah suai elektrik; dan
 - 3) Kehendak pengguna sendiri kerana penutupan akaun.

Walau bagaimanapun, PBT boleh mengemukakan permohonan pemotongan bekalan elektrik sesebuah premis kepada TNB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KEBAJIKAN WARGA MISKIN DI SELANGOR

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri memiliki mekanisme bagi memastikan skim-skim IPR dan Smart Selangor hanya untuk rakyat Selangor yang betul-betul layak sahaja?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri Selangor sebagai sebuah kerajaan yang peduli rakyat sentiasa memastikan bahawa program-program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) diberikan kepada rakyat Selangor yang layak serta memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Tahun demi tahun, peratusan penerima bantuan semakin meningkat selaras dengan perkembangan setiap program yang diperkenalkan bagi membantu golongan yang kurang mampu di Negeri Selangor.

Kini, dengan pelarasian dari pihak persekutuan, Kerajaan Negeri dalam pertimbangan untuk menggunakan data dari Sistem e-Kasih untuk menyaring nama penerima manfaat program IPR agar penerimaan bantuan melalui program ini lebih adil dan saksama serta mengelakkan pertindihan penerima.

Secara tidak langsung, penggunaan sistem e-Kasih ini juga akan dapat mempertingkatkan kualiti hidup rakyat agar dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera serta menikmati hasil kekayaan negeri secara adil dan saksama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI
(N49 SUNGAI KANDIS)**

TAJUK : PENGERAK BELIA TEMPATAN (PEBT)

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah terdapat cadangan menambah peruntukan PeBT bagi menyemarakkan lagi program belia Selangor?
- b) Adakah terdapat cadangan insentif tambahan kepada PeBT dan belia?
- c) Apakah program pembangunan yang telah dan akan diwujudkan bagi memupuk jatidiri dan nilai insani belia? Senaraikan.

JAWAPAN:

Soalan (a) dan b dijawab bersekali:-

Kerajaan Negeri telah menubuhkan Penggerak Belia Tempatan bermula pada tahun 2009 sebagai agen penggerak kepada pembangunan Negeri dengan jumlah keseluruhan peruntukan adalah sebanyak RM2,764,800.00. Justeru itu buat masa ini, Kerajaan Negeri masih mengekalkan peruntukan program Penggerak Belia Tempatan (PeBT) seperti tahun-tahun sebelum ini di mana setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) akan diperuntukkan sebanyak RM120,000.00 yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan program adalah sebanyak RM1,440,000.00 untuk semua PBT bagi menjalankan program-program PeBT yang telah dirancangkan. Untuk makluman, peruntukan tersebut akan disalurkan kepada PBT di mana PBT dikehendaki untuk memantau dan merancang pelaksanaan program PeBT masing-masing untuk memastikan pelaksanaan program adalah sebagaimana yang telah dirancangkan. Di samping itu, PeBT juga boleh melaksanakan program-program PeBT secara gabungan dengan zon-zon yang lain bagi mendapatkan impak program yang lebih berkesan dan mendapat sambutan daripada masyarakat setempat.

Seterusnya, peruntukan elauan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) juga masih dikekalkan iaitu sebanyak RM500.00 sebulan untuk elauan Pengurus Induk PeBT dan RM400.00 sebulan untuk elauan Pengurus PeBT yang menjadikan jumlah keseluruhan peruntukan elauan adalah sebanyak RM1,324,800.00.

Selain itu, untuk makluman, pelantikan PeBT dibuat setiap dua tahun sekali. Sehubungan itu, bagi menghargai jasa dan komitmen yang telah diberikan oleh PeBT sepanjang pelantikan, Kerajaan Negeri akan mengadakan Program Apresiasi dan Watikah Pelantikan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Negeri Selangor 2018 yang dijadualkan akan diadakan pada awal Januari 2019. Program ini diadakan sebagai satu inisiatif Kerajaan Negeri untuk memberi penghargaan kepada generasi muda Selangor yang menyumbangkan idea dan cadangan pembangunan belia dalam segala sudut seperti kesukarelawan, politik, keusahawanan, kesenian, kebudayaan dan kesukanan. Berikutnya melalui program ini, Kerajaan Negeri akan menyampaikan beberapa anugerah kepada PeBT seperti Anugerah PeBT Terbaik di Peringkat PBT, Anugerah PeBT Selangor Terbaik, Anugerah Teras PeBT Terbaik dan Anugerah Kepimpinan PeBT sebagai penghargaan kepada PeBT yang telah berkhidmat dan juga sebagai pendorong kepada PeBT yang akan dilantik.

- c) Untuk makluman, menyedari akan kepentingan generasi muda kepada pembangunan Negeri Selangor, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Dasar Belia Negeri Selangor pada tahun 2013 sebagai kerangka asas kepada pelan pembangunan belia di Negeri Selangor. Dasar Belia Selangor (DBS) yang julung kali dibangunkan ini merupakan manual pembangunan belia untuk dijadikan rujukan kepada pemegang taruh berkepentingan dalam bidang keutamaan belia di Selangor.

Justeru itu, bidang keutamaan pembangunan belia yang diberi tumpuan dalam DBS mencakupi Pendidikan dan Kemahiran, Keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawan, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Kebudayaan dan Kesenian, Agama dan Akhlak serta Pengantarabangsaan.

Sehubungan itu, program-program pembangunan generasi muda telah dirangka berdasarkan kepada bidang-bidang keutamaan tersebut. Di antara program pembangunan yang telah dan akan diwujudkan bagi memupuk jatidiri dan nilai insan belia adalah seperti berikut:-

- i. Program Memberdaya Pemimpin Muda Selangor

Program ini akan memberi nilai tambah '7 kemahiran insaniah' seperti kepimpinan, kerja berpasukan, kemahiran komunikasi, kemahiran menyelesaikan masalah, etika kerja, *flexibility* dan adaptasi dan kemahiran *interpersonal*.

ii. Program *Empowering Volunteers Connecting Opportunites*

Melalui program ini dapat memperkasa organisasi Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta dapat memberi sokongan dalam aktiviti dan perkhidmatan yang diberikan oleh Badan-badan NGO.

iii. Program Kesedaran dan Peningkatan Rohani

Penganjuran program ini sebagai memenuhi keperluan umat Islam yang ingin meraih seberapa banyak pahala dan ganjaran dengan mengerjakan pelbagai amal ibadat di dalam bulan Ramadhan serta menggalakkan generasi muda untuk mengimarahkan Ramadan dengan Qiamullail.

iv. Bengkel Latihan Kepimpinan Penggerak Belia Tempatan (PeBT)

Program ini dapat melahirkan pemimpin yang berkompetensi bagi mengembangkan lagi potensi belia di Selangor seterusnya mengembangkan program-program pembangunan belia dan komuniti.

v. Bengkel Pemberdayaan NGO Belia Negeri Selangor

Program ini menekankan aspek kepimpinan dan organisasi belia di Selangor agar dapat diberikan perhatian di bawah Kerajaan Negeri. Selain itu, melalui program ini akan dapat memberi keupayaan kepada tenaga belia dalam menentukan kekuatan dan ketahanan pembangunan sosial dan ekonomi. Justeru, satu strategi diambil dengan melihat perkembangan belia dari aspek kognitif, sosial, emosi dan fizikal melalui pelbagai kaedah orientasi teorikal mengenai asas-asas proses perkembangan yang mempunyai implikasi kepada masalah-masalah belia dewasa ini.

vi. Program Smart Tour Volunteer Team Selangor

Program ini merupakan program pemangkin kepada gerakan berskala besar anak muda di dalam kerja-kerja kesukarelawan yang melibatkan Unit Penggerak Belia Tempatan dan *Team* Selangor bagi memberikan satu impak dan imej yang baik kepada masyarakat sekeliling.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN LEONG TUCK CHEE
(N47 PANDAMARAN)**

TAJUK : LAMPU ISYARAT

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Banyak lampu isyarat di Klang tidak berfungsi dengan sempurna, antaranya simpang Jalan Mengkuang, Simpang Persiaran Pegaga dan Jalan Batu Unjur dan lain-lain. MPK dan JKR telah mengambil masa panjang untuk membaiki. Adakah MPK dan JKR dapat membaiki dalam 24 jam?

JAWAPAN:

- a) Pembaikan kerosakan lampu isyarat boleh dibuat dalam tempoh 24 jam sekiranya keadaan kerosakan disebabkan oleh petir dan berlakunya 'trip'.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN
(N15 TAMAN TEMPLER)

TAJUK : SKIM SEWA BELI RUMAH KERAJAAN NEGERI SELANGOR

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Akibat kesukaran pinjaman, apakah Kerajaan Selangor bersedia untuk mengadakan skim sewa beli perumahan Negeri Selangor dan dikembangkan kepada projek perumahan lain?

JAWAPAN:

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri pada masa ini melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) sedang mengadakan kerjasama dan perbincangan dengan pihak Maybank Berhad bagi mewujudkan satu skim sewa milik khususnya untuk pembeli Rumah Selangorku di Negeri Selangor. Secara langsung, skim ini dapat membantu golongan B40 dan M40 yang berpendapatan isi rumah RM 10,000-00 sebulan ke bawah untuk memiliki kediaman Mampu Milik atau Rumah Selangorku. Dengan ini, Kerajaan Negeri mampu memastikan sasaran menyediakan 30,000 unit Rumah Selangorku dalam tempoh 5 tahun dapat dicapai dengan lancar sejajar dengan penyediaan pinjaman perumahan yang lebih mudah dan fleksibel. Sehubungan dengan itu, perkara ini masih di peringkat perbincangan awalan dan memerlukan penelitian daripada semua pihak terlibat bagi memastikan mekanisma pelaksanaan ini dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan mencapai objektif yang dihasratkan oleh Kerajaan Negeri.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD SHAID BIN ROSLI
(N12 JERAM)

TAJUK : KEMUDAHAN BAS SEKOLAH PERCUMA DI SETIAP DUN

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk memberikan bas sekolah secara percuma?
- b) Adakah penerima IPR berpeluang untuk mendapatkan bas percuma untuk anak mereka ke sekolah?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Penyediaan perkhidmatan bas sekolah percuma di seluruh Negeri Selangor memerlukan kajian yang teliti kerana melibatkan peruntukan kewangan berterusan dan ianya akan memberi implikasi kewangan yang besar, manakala peruntukan Kerajaan Negeri adalah terhad bagi keperluan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lebih penting dan perlu diutamakan. Namun demikian Kerajaan Negeri turut menyediakan perkhidmatan Bas Smart Selangor yang boleh digunakan oleh pelajar ke sekolah dimana bas tersebut turut melalui kawasan-kawasan persekolahan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Perkhidmatan Bas Smart Selangor boleh dinikmati pada ketika ini untuk semua golongan, tidak tertakluk kepada penerima IPR sahaja.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga melaksanakan Program Bantuan Sumbangan Subsidi Tambang Sekolah yang merupakan satu bentuk program bantuan kerajaan bernilai RM300 yang diberikan kepada setiap anak pekerja ladang. Program ini dikekalkan di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang dan terbuka kepada anak-anak pekerja ladang ataupun bekas pekerja ladang yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Negeri Selangor bagi meringankan beban kos tambang bas sekolah di kalangan pekerja ladang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : KEJATUHAN HARGA SAWIT

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk membantu pengusaha tanaman kelapa sawit di Negeri Selangor yang telah mengalami kemerosotan pendapatan akibat kejatuhan harga pasaran buah kelapa sawit semasa?

JAWAPAN:

- a) Kerajaan Negeri akan mengadakan perbincangan secepat mungkin dengan Kementerian Perusahaan Utama bagi menangani masalah ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)**

TAJUK : STATUS PENSTRUKTURAN SEMULA INDUSTRI AIR

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini penstrukturran semula industri air?
- b) Adakah tariff air akan berubah?

JAWAPAN:

(a)

Tuan Speaker,

1. Saya pohon izin Y.B. Tuan Speaker untuk menjawab bersekali soalan No. 148, bahagian (a) oleh Yang Berhormat Bukit Gasing dan soalan No. 193 bahagian (a) dari Yang Berhormat Bukit Lanjan.
2. Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 01 Ogos 2018 telah meluluskan penyelesaian pelaksanaan penstrukturran semula industri perkhidmatan bekalan air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dengan pengambilalihan SPLASH berdasarkan kepada rundingan dan persetujuan yang telah dicapai bersama antara Kerajaan Negeri Selangor, Air Selangor dan Pemegang Saham SPLASH, yang terdiri dari Gamuda Berhad ("Gamuda") (40%), The Sweet Water Alliance ("TSWA") (30%) dan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad ("KPS") (30%).
3. Berdasarkan kepada ketetapan yang telah dibuat di dalam MMKN tersebut, pada 03 Ogos 2018, Kerajaan Negeri Selangor melalui Air Selangor telah pun mengemukakan surat tawaran pengambilalihan kepada Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH). Tawaran ini dibuat kepada Syarikat Pengeluar Air Selangor Holdings Berhad (SPLASH Holdings), pemegang saham tunggal SPLASH.

4. SPLASH Holdings telah menerima tawaran Air Selangor untuk mengambil alih Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) secara prinsipnya pada 9 Ogos 2018. Perjanjian Pembelian Saham (*Share Purchase Agreement*, SPA) telah berjaya dimeterai pada 28 September 2018. SPA tersebut dijangka akan diselesaikan di dalam tempoh antara tiga (3) sehingga enam (6) bulan.
5. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Air Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui surat bertarikh 13 November 2018 telah menyampaikan keputusan Memorandum Jemaah Menteri bertajuk “Penstruktur Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air Negeri Selangor berserta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya pada 26 Oktober 2018” telah bersetuju dengan Pengambilalihan SPLASH oleh Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM2.55 bilion dilaksanakan melalui kaedah pembiayaan seperti berikut:-
 - 5.1. Penyediaan kemudahan pembiayaan oleh Kerajaan Persekutuan melalui PAAB berjumlah RM1.9 bilion secara *lump sum* seperti berikut:-
 - (1) Pembiayaan melalui baki kemudahan pembiayaan di bawah Perjanjian Utama berjumlah RM317,565,425.00;
 - (2) Pembiayaan melalui kemudahan tambahan berjumlah RM1.583 bilion.
 - 5.2. Pembiayaan oleh Kerajaan Negeri Selangor berjumlah RM650 juta melalui Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd (Air Selangor).
6. Berdasarkan kepada persetujuan yang telah dicapai antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri berhubung pembiayaan pengambilalihan SPLASH dan mengambil kira penyediaan dan penyempurnaan dokumentasi yang terlibat seperti penamatan Perjanjian Konsesi Air sedia ada, pindaan ke tiga kepada Perjanjian Utama, penerbitan bon oleh PAAB, pengeluaran lesen oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan lain-lain dokumentasi yang terlibat, maka adalah dijangkakan penstruktur semula industri perkhidmatan bekalan air Negeri Selangor ini dapat diselesaikan sepenuhnya tidak lewat dari 30 Mac 2019.

(b)

Tuan Speaker,

1. Tarif air pada ketika ini adalah berdasarkan kadar tarif yang diluluskan pada tahun 2006 dan tiada kenaikan sepanjang 12 tahun ini. Jika merujuk kepada Perjanjian Konsesi SYABAS, kenaikan tarif untuk kali kelima adalah pada 1 Januari 2018 dengan kadar purata sebanyak RM3.15 bagi setiap meter padu berbanding kadar yang sedang dinikmati ketika ini sebanyak RM1.39. Dengan mengambil kira lima kali kenaikan tarif seperti di dalam Perjanjian Konsesi SYABAS, rakyat akan dibebani dengan kadar tarif sebanyak 227% lebih tinggi berbanding dengan tarif yang sedang dinikmati sekarang.
2. Secara ringkasnya, tarif air di Selangor adalah di peringkat pertengahan, di mana secara purata ia adalah lebih rendah berbanding Johor, tetapi lebih tinggi berbanding Pulau Pinang. Sebagai contoh, bagi penggunaan domestik sehingga 20 meter padu, Johor mengenakan caj RM0.80 bagi setiap meter padu, berbanding RM0.57 di Selangor dan RM0.22 di Pulau Pinang.
3. Semenjak tahun 2008, Kerajaan Negeri Selangor berpendirian untuk tidak mempertimbangkan permohonan pelarasan tarif yang dikemukakan oleh SYABAS ketika itu memandangkan cadangan kenaikan kadar purata dari RM1.39 setiap meter padu kepada RM3.15 setiap meter padu akan membebankan rakyat. Sebagai Kerajaan yang mengutamakan kepentingan dan kebijakan rakyat dan dalam merealisasikan Agenda Peduli Rakyat, Kerajaan Negeri akan terus menjamin kepentingan rakyat dalam menetapkan kadar tarif. Apa yang dipentingkan oleh Kerajaan Negeri adalah untuk memastikan Air Selangor dapat memberikan perkhidmatan bekalan air yang cekap dan efisien.
4. Kerajaan Negeri tidak menafikan keperluan tarif yang munasabah dalam usaha untuk memastikan industri perkhidmatan air yang mampan, namun sebarang langkah untuk menetapkan kadar tarif akan mengambil kira bebanan yang ditanggung oleh rakyat dan masa yang sesuai untuk kenaikan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)**

TAJUK : POLISI PEMPROSESAN KITAR SEMULA SISA PLASTIK DARI LUAR NEGARA

149. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah polisi Kerajaan terhadap pemprosesan kitar semula sisa plastik dari luar negara?

JAWAPAN:

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan No.120 daripada ADUN Rawang.

- a) Seperti yang semua sedia maklum, kebanyakkan sisa plastik yang diimport dari luar negara adalah dari negara China, Eropah dan Australia melalui pelabuhan di negeri ini. Pengilang yang memproses bahan plastik yang diimport dari luar negara, perlu mendapatkan lesen daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) di bawah H.S. Code 3915.

Kerajaan Negeri telah membangkitkan kerisauan berkaitan isu ini kepada KP KT dan dalam isu ini, Kerajaan Negeri berpendirian bahawa sisa buangan luar negara tidak sepatutnya diimport ke Malaysia.

Kerajaan Negeri menyokong keputusan kerajaan persekutuan dalam memperketatkan syarat bagi kelulusan lesen mengimport sisa plastik dari luar negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri masih menggalakkan industri kitar semula bagi mengurangkan sisa sampah di Negeri Selangor. Namun bagi membolehkan sesbuah kilang plastik beroperasi, pemohon perlu mendapatkan kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan kesesuaian tapak dan peralatan pemprosesan yang digunakan, selain wajib mengemukakan maklumat sumber sisa plastik yang dibeli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(N08 SUNGAI BURONG)**

TAJUK : BAS SMART SELANGOR (BSS)

150. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan jumlah terkini BSS mengikut PBT.
- b) Nyatakan jumlah pengguna BSS dari 2016-2018.
- c) Nyatakan kos perbelanjaan pelaksanaan BSS dari 2016-2018.

JAWAPAN:

- a) Perkhidmatan Bas Smart Selangor kini mempunyai 42 laluan dan 125 buah bas di sebelas kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor, tidak termasuk perkhidmatan PJCity Bus oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Butiran jumlah laluan dan Bas Smart Selangor mengikut PBT adalah seperti berikut:

| BIL. | PIHAK BERKUASA TEMPATAN | JUMLAH LALUAN | JUMLAH BAS |
|---------------------------|--------------------------------|---------------|------------|
| 1. | Majlis Bandaraya Shah Alam | 6 | 26 |
| 2. | Majlis Perbandaran Subang Jaya | 5 | 20 |
| 3. | Majlis Perbandaran Klang | 3 | 12 |
| 4. | Majlis Perbandaran Ampang Jaya | 4 | 14 |
| 5. | Majlis Perbandaran Kajang | 4 | 11 |
| 6. | Majlis Perbandaran Selayang | 3 | 14 |
| 7. | Majlis Perbandaran Sepang | 4 | 10 |
| 8. | Majlis Daerah Kuala Langat | 2 | 4 |
| 9. | Majlis Daerah Kuala Selangor | 2 | 5 |
| 10. | Majlis Daerah Sabak Bernam | 3 | 4 |
| 11. | Majlis Daerah Hulu Selangor | 3 | 5 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | 42 | 125 |

Sejak dilaksanakan pada 1 Julai 2015 sehingga 31 Oktober 2018, jumlah

- b) pengguna perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah sebanyak 27,456,999 dan pecahan jumlah penumpang mengikut tahun adalah seperti berikut:

| | |
|--|------------------------|
| (a) Tahun 2015 (mulai 1 Julai 2015) | : 546,661 penumpang |
| (b) Tahun 2016 | : 4,163,654 penumpang |
| (c) Tahun 2017 | : 10,660,051 penumpang |
| (d) Tahun 2018 (sehingga 31 Okt. 2018) | : 12,086,633 penumpang |

- c) Kos bagi penyediaan Bas Smart Selangor yang bermula pada 1 Julai 2015 hingga kini adalah menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan juga Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berdasarkan konsep perkongsian kos dan 1 *plus* 1 yang disyaratkan khususnya kepada PBT yang mempunyai kemampuan kewangan supaya lebih banyak laluan baru diperkenalkan dan memenuhi keperluan serta kemudahan rakyat di Negeri Selangor.

Untuk makluman Yang Berhormat, perbelanjaan keseluruhan Bas Smart Selangor bagi tempoh tiga tahun pelaksanaan adalah sebanyak **RM59,590,416.64** iaitu:

| | |
|--|--------------------------|
| (a) Kos yang diperuntukan oleh Kerajaan Negeri | : RM50,580,628.64 |
| (b) Kos yang dibiayai oleh PBT | : RM 9,009,788.00 |

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT
(N14 RAWANG)

TAJUK : PEMBINAAN INCINERATOR

151. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kementerian KPCT telah mengumumkan bahawa rancangan pembinaan incinerator di setiap negeri, apakah pendirian Kerajaan Negeri berkenaan rancangan tersebut?
- b) Adakah kerajaan akan memberi kelulusan pembinaan incinerator walaupun operasi incinerator akan menjadikan kesihatan penduduk?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Kerajaan Negeri menyambut baik perancangan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPCT) untuk membina sekurang-kurangnya sebuah loji *Waste to Energy* (WTE) di setiap Negeri. Pengumuman ini adalah selari dengan dasar Kerajaan Negeri yang ingin menambah baik kaedah pelupusan sisa pepejal. Kerajaan Negeri pada tahun 2016 telah bersetuju melantik syarikat Worldwide Holdings Berhad (WHB) untuk menerajui usaha membangunkan dan melaksanakan *Integrated Solid Waste Management Centre* (ISWMC) bersebelahan Tapak Pelupusan Sanitari Jeram, Kuala Selangor.

Untuk makluman, ISWMC adalah satu sistem pelupusan dan rawatan sisa pepejal yang menyeluruh merangkumi fasiliti atau kemudahan seperti berikut:

- (1) Loji *Waste To Energy* (WTE);
- (2) Loji Kitar Semula;
- (3) Loji Pencernaan Anerobik (AD);
- (4) Loji Kompos;
- (5) Loji Kitar Semula Sisa Binaan; dan
- (6) Pusat Penyelidikan & Pembangunan

Dengan adanya ISWMC ini, sisa pepejal yang dihasilkan di Negeri Selangor bukan hanya dilupuskan, tetapi juga akan menjadi sumber kepada tenaga elektrik, penghasilan baja, kutipan barang kitar semula dan lain-lain yang dapat menambah nilai kepada aktiviti ekonomi Negeri Selangor.

Pembangunan Loji WTE ini adalah perlu kerana jika ia tidak dilaksanakan, Kerajaan Negeri akan menghadapi masalah untuk menyediakan tapak pelupusan sanitari (*landfil*) pada masa akan datang akibat daripada peningkatan penghasilan sisa pepejal di Negeri Selangor.

Seperti yang disedia maklum, Loji WTE terkini adalah mempunyai piawaian yang begitu ketat dimana pelepasan gas yang dirawat adalah mengikut standard antarabangsa dan terpakai di negara kita. Oleh itu, udara yang akan dikeluarkan terus ke udara juga melalui penapis udara yang bertekanan rendah. Ia bertindak untuk membuang *dioxin* dan *furan* yang merbahaya kepada penduduk. Kedudukan dan ketinggian cerombong asap juga diambil kira melalui *Environment Impact Assessment* (EIA) yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (DOE) yang merangkumi standard jarak daripada penduduk setempat.

Selain itu, Loji WTE ini juga akan dilengkapi dengan paparan LED, bagi memantau secara berterusan untuk gas-gas seperti SO_x, NO_x, HF, HCl, CO dan habuk melalui Continuous Emission Monitoring Systems (CEMS) yang disambung terus ke Pejabat Jabatan Alam Sekitar Negeri berkaitan. Pemantauan pelepasan Dioksin dan furan dibuat berdasarkan kepada syarat-syarat kelulusan EIA.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW
(N56 SUNGAI PELEK)**

TAJUK : KUALITI AIR MENTAH

152. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kualiti air mentah dari Pahang ke Selangor telah dipersoalkan. Adakah kerajaan akan menjalankan kajian untuk memastikan kualiti bekalan air mentah?

JAWAPAN:

- a) Di bawah Perjanjian Jual Beli Air Mentah Pahang Selangor yang telah ditandatangani antara Kerajaan Negeri Pahang dan Kerajaan Negeri Selangor telah diperuntukkan perkara berkenaan kualiti air mentah yang dibekalkan hendaklah mematuhi garis-garis panduan yang dikuatkuasakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia/Kementerian Kesihatan. Selain dari itu, telah diujudkan satu jawatankuasa bagi memantau kualiti air mentah ini yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan Selangor serta keanggotaannya seperti berikut:-

| KERAJAAN NEGERI SELANGOR | KERAJAAN NEGERI PAHANG |
|-----------------------------------|-------------------------------|
| Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) | Badan Kawal Selia Air Pahang |
| Jabatan Alam Sekitar (Selangor) | Jabatan Alam Sekitar (Pahang) |
| Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. | Perbadanan Air Pahang Berhad |

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR
(N42 MERU)**

TAJUK : KAWALAN HAIWAN TERNAKAN DI KAWASAN BANDAR

153. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bolehkah lembu-lembu yang berkeliaran di kawasan bandar diklasifikasikan sebagai lembu liar dan tidak bertuan?
- b) Apakah tindakan tegas kepada pemilik lembu yang didapati tidak mengawal haiwan ternakan mereka?
- c) Apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengatasi masalah lembu liar ini?

JAWAPAN:

Soalan (a), (b) dan (c) dijawab bersekali:-

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di dalam Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 (Enakmen Sel. No.3 tahun 1971), menyatakan suatu kawasan pihak berkuasa tempatan atau sebahagiannya merupakan kawasan larangan bagi lembu-kerbau. Justeru itu, lembu-lembu yang berkeliaran di kawasan larangan boleh diklasifikasikan sebagai lembu ternakan yang tidak bertuan dan tindakan seperti tangkapan boleh dibuat ke atas lembu-lembu yang berkeliaran tersebut.

Enakmen Mengawal Lembu Kerbau 1971 (Enakmen Sel. No.3 tahun 1971) telah menjelaskan bahawa aktiviti memelihara atau menyimpan lembu-kerbau di dalam kawasan larangan adalah ditegah. Tindakan tegas akan diambil ke atas pemilik lembu yang didapati tidak mengawal haiwan ternakan mereka termasuklah merampas haiwan ternakan tersebut. Untuk tujuan ini PBT juga mewujudkan pasukan khas yang bertindak untuk merampas lembu yang berkeliaran di kawasan awam atau kawasan larangan sekiranya terdapat aduan diterima.

Selain itu, pihak PBT juga mengambil inisiatif dengan mengadakan perjumpaan bersama penternak yang dikenal pasti membiarkan lembu ternakan berkeliaran tanpa kawalan dan seterusnya memberi amaran supaya tidak membiarkan lembu ternakan berkeliaran di kawasan awam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD
(N11 IJOK)**

TAJUK : PARIT DAN RUMPUT

154. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) *Sub-soalan telah di tolak*
- b) Pihak agensi mana yang bertanggungjawab - JKR atau JPS?
- c) Apakah SOP yang sepatutnya dipatuhi untuk penyelenggaraan parit dan rumput ?

JAWAPAN:

- b) Penyelenggaraan longkang dan rumput dalam kawasan taman-taman perumahan di daerah Kuala Selangor berada bawah tanggungjawab pihak Majlis Daerah Kuala Selangor. Pihak MDKS melantik kontraktor bagi melaksanakan tugas-tugas tersebut.
- c) Pihak MDKS telah menetapkan bahawa, pemotongan rumput dalam kawasan selenggaraannya hendaklah dilakukan dengan kekerapan dua (2) kali sebulan. Potong rumput hendaklah tidak lebih daripada $\frac{3}{4}$ inci @ 18mm. Manakala pembersihan longkang pula hendaklah dilakukan dengan kekerapan dua (2) bulan sekali.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN JAMALIAH BINTI JAMALUDDIN
(N36 BANDAR UTAMA)

**TAJUK : INISIATIF NEGERI SELANGOR KE ARAH PERANCANGAN FIRST-MILE
LAST-MILE**

155. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah inisiatif terkini Kerajaan Negeri Selangor dalam menyelesaikan masalah first-mile dan last-mile untuk pengguna kemudahan awam?

JAWAPAN:

- a) Konsep *First Mile* dan *Last Mile* atau perbatuan pertama dan terakhir merupakan langkah bagi memastikan kesalinghubungan antara pelbagai kemudahan pengangkutan awam dapat dicapai serta memudahkan perancangan pengguna untuk sampai ke destinasi yang ingin dituju. Antara inisiatif-inisiatif yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam menjayakan konsep *First Mile* dan *Last Mile* ini adalah seperti berikut:
- (1) Penetapan kriteria laluan Bas Smart Selangor yang perlu mempunyai *connectivity* dengan sistem pengangkutan awam yang lain seperti MRT, LRT, BRT dan komuter;
 - (2) Menyediakan lebih banyak laluan basikal bagi menggalakkan masyarakat untuk berbasikal atau menggunakan sebagai mod pengangkutan alternatif yang lebih mudah dan dapat mengurangkan jumlah kenderaan di atas jalan raya, seterusnya mengurangkan kesesakan lalulintas. Bagi memastikan laluan basikal tersedia, Kerajaan Negeri telah menetapkan Petunjuk Prestasi (*Key Performance Index – KPI*) kepada Pihak Berkua Tempatan (PBT) untuk menyediakan lebih banyak laluan basikal iaitu 15-kilometer laluan basikal bagi PBT bertaraf Bandaraya dan Perbandaran dan 10-kilometer bagi PBT bertaraf Daerah; dan
 - (3) Penambahbaikan terhadap capaian kemudahan pengangkutan awam dengan mengurangkan jumlah kenderaan persendirian di atas jalan raya seperti inisiatif perkhidmatan penyewaan kereta secara digital iaitu menggunakan aplikasi pintar seperti SoCar yang terdapat di kawasan-kawasan bandar seperti Subang Jaya.

Kerajaan Negeri juga sentiasa melihat perkembangan-perkembangan terbaru yang dapat memudahkan perhubungan sistem pengangkutan awam di negeri ini sebagai langkah menjadikan konsep *First Mile Last Mile* yang *reliable* dan berkesan dalam memberi impak terhadap penggunaan pengangkutan awam di Negeri Selangor selaras dengan sasaran Kerajaan untuk mencapai nisbah 60 peratus penggunaan pengangkutan awam berbanding 40 peratus kenderaan persendirian di jalan raya menjelang tahun 2035.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MUHAMMAD HILMAN BIN IDHAM
(N17 GOMBAK SETIA)

TAJUK : PEMBANGUNAN SUNGAI KLANG

156. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk menyuntik dinamisme baru kepada Sungai Klang sebagai sumber ekonomi baru Negeri Selangor?

JAWAPAN:

- a) Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB), anak syarikat milik Kerajaan Negeri Selangor, kini di dalam fasa terakhir untuk mengezonkan kawasan Pembangunan Selangor Maritime Gateway (SMG) yang berada dalam kawasan Majlis Perbandaran Klang (MPK) sebagai kawasan pembangunan eksklusif SMG di dalam draf Rancangan Tempatan (RT) 2035 yang meliputi 3 blok pembangunan seperti berikut iaitu:
- Blok 9 – SMG Pulau Indah (seluas kira-kira 6,868 hektar)
 - Blok 10 – SMG Pulau-Pulau (seluas kira-kira 12,541 hektar)
 - Blok 11 – SMG Sungai Klang (3,371 hektar)

Usaha ini dijalankan bagi memastikan pembangunan fizikal yang akan dilaksanakan terkawal dan mengikut garis panduan yang ditetapkan di dalam RT. Cadangan pengezonan ini juga akan mewujudkan sinergi diantara projek pembangunan SMG dengan pembangunan setempat yang lain dan seterusnya akan mencetuskan kepada penubuhan sebuah kawasan pembangunan ekonomi yang baru atau *New Central Economic Region*.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LIM YI WEI
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

TAJUK : KEDAI JUAL ARAK HARAM

157. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kedai jual arak haram di Selangor yang telah diambil tindakan mengikut PBT?
- b) Senaraikan jenis tindakan yang diambil sama ada pembatalan lesen, dan sebagainya.

JAWAPAN:

- a) Bilangan kedai jual yang menjual arak haram dan yang telah diambil tindakan di Selangor adalah sebanyak 325 unit. Berikut adalah jumlah kedai yang menjual arak haram yang telah diambil tindakan mengikut PBT :

Jadual 1 : Bilangan Kedai Jual Arak Haram Yang Telah Diambil Tindakan Mengikut PBT

| PBT | JUMLAH BILANGAN KEDAI JUAL ARAK HARAM YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN |
|------|---|
| MBSA | 14 |
| MBPJ | 26 |
| MPK | 179 |
| MPAJ | 89 |
| MPSJ | 0 |
| MPS | 9 |
| MPKj | 0 |
| PBT | JUMLAH BILANGAN KEDAI JUAL ARAK HARAM YANG TELAH DIAMBIL TINDAKAN |
| MPSp | 0 |
| MDKL | 0 |
| MDHS | 1 |
| MDKS | 7 |

| | |
|---------------|------------|
| MDSB | 0 |
| JUMLAH | 325 |

Nota : Sumber data daripada PBT

- b) Tindakan yang boleh diambil adalah mengikut Undang-undang Kecil Establisymen Makanan (PBT) 2007 seperti berikut:
- i. Kompaun mengikut peruntukan Undang-undang Kecil Establisymen Makanan (PBT) 2007;
 - ii. Sitaan mengikut peruntukan Undang-undang Kecil Establisymen Makanan (PBT) 2007;
 - iii. Notis Pembatalan Lesen (jika):
 - Menjalankan aktiviti perniagaan selain dari yang diluluskan.
 - Menjual minuman keras tanpa permit dari Pejabat Tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING
(N37 BUKIT LANJAN)**

TAJUK : PROJEK LANDASAN KERETAPI PANTAI TIMUR (ECRL)

158. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apa perkembangan terkini sejak lawatan Perdana Menteri ke Negara China berkenaan projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL)?
- b) Adakah wakil Kerajaan Negeri Selangor dipanggil untuk mesyuarat di peringkat Pusat berkenaan projek ini pada tahun ini dan apa yang dibincangkan jikalau ada?

JAWAPAN:

Soalan (a) dan (b) dijawab bersekali:-

Lawatan Perdana Menteri ke Negara China pada bulan Ogos 2018 adalah bagi memperkuatkan hubungan antara kedua-dua negara. Antara perkara yang dibincangkan adalah berkenaan projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) dan susulan daripada lawatan tersebut, Kerajaan Persekutuan akan mengkaji kaedah lain yang tidak membebankan kewangan negara kerana kos keseluruhan sebenar projek ini dijangka mencecah RM81 bilion termasuk kos pengambilan tanah dan faedah pinjaman semasa pinjaman projek. Sebagai langkah Kerajaan Pusat untuk menguruskan hutang dan liabiliti Kerajaan pada ketika ini, kerja-kerja pembinaan projek ECRL digantung pelaksanaannya sepertimana yang dibentangkan di dalam ucapan belanjawan 2019 pada 2 November 2018 lalu.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi tahun ini tiada sebarang perbincangan yang melibatkan Kerajaan Negeri Selangor berhubung projek ECRL ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN WONG SIEW KI
(N27 BALAKONG)

TAJUK : RUMAH SELANGORKU

159. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Terdapat aduan bahawa sebahagian unit rumah Selangorku telah disewa ke penduduk tempatan dan juga pendatang asing. Pihak manakah yang akan memantau untuk memastikan semua pemilik rumah Selangorku memang mendiami di unit tersebut dan jika pernahnya memantau, sila memberi laporan pantauan.

JAWAPAN:

- a) **Pekeliling Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) Bilangan 1 Tahun 2013 mengenai “Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku)”** telah menetapkan syarat agar Rumah Selangorku Jenis A, B, C, dan D adalah untuk didiami oleh pemilik dan bukannya untuk disewakan kepada mana-mana pihak lain.

Bagi menjawab persoalan di atas iaitu berhubung sebahagian unit Rumah Selangorku telah disewakan oleh pemilik kepada pihak lain, pentadbiran ini bersama-sama pihak-pihak yang berkenaan akan merangka mekanisme-mekanisme yang sesuai untuk dilaksanakan agar aktiviti sewaan kepada pihak lain oleh pembeli dapat dikawal disamping kawalan pemilikan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh LPHS dengan menggariskan kelayakan pembeli dalam saringan permohonan di dalam Sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Selangorku (SPPRS) agar hanya pemohon yang benar-benar layak sahaja yang akan diproses dan ditawarkan Rumah Selangorku.

Dalam usaha merangka mekanisme kawalan terhadap aktiviti sewaan Rumah Selangorku, LPHS perlu memastikan tindakan yang diambil adalah selaras dengan fungsi, peranan dan bidang kuasa LPHS yang diperuntukkan di bawah Enakmen Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (“Enakmen”) disamping tidak bercanggah dengan undang-undang bertulis lain yang sedang berkuatkuasa.

Merujuk kepada **Perkara 13, Perlembagaan Persekutuan** yang menjamin hak pemilikan harta dan kebebasan untuk berurusan dengan harta tersebut, timbul persoalan dari segi keesahan tindakan penguatkuasaan yang akan dijalankan oleh LPHS sekiranya berhasrat untuk mengambil tindakan terhadap rumah-rumah

Selangorku yang disewakan kerana tidak terdapat mana-mana peruntukan di dalam Akta atau Enakmen yang membolehkan berbuat demikian melainkan pemilikan rumah Selangorku tersebut adalah di bawah milikan LPHS. Oleh yang demikian, apa-apa tindakan penguatkuasaan yang akan diambil akan membawa kepada pertikaian kerana ianya berlawanan atau ***ultra vires*** dengan **Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan** yang dengan jelas menyatakan hak kepada warganegara Malaysia untuk memiliki harta dan berurusan dengan harta tersebut. Manakala dalam **Seksyen 233 Kanun Tanah Negara 1965** juga secara tersiratnya memberikan kebenaran terhadap penyewaan di mana penyewaan yang tempoh sewaannya tidak melebihi tiga (3) tahun dibenarkan untuk tidak didaftarkan.

Walau bagaimanapun, memandangkan unit rumah Selangorku merupakan hartanah harga kawalan, LPHS sentiasa peka terhadap aduan pihak awam berkenaan isu ini di mana setiap aduan akan disiasat secara terperinci sebelum mengambil tindakan secara administratif bersama-sama pihak Badan Pengurusan Bersama / Perbadanan Pengurusan melalui pengenaan beberapa syarat yang difikirkan wajar bagi membenarkan sewaan ke atas Rumah Selangorku yang telah ditawarkan dan dimiliki oleh pembeli.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN
(N09 PERMATANG)**

TAJUK : RUMAH PRIHATIN & RUMAH ZAKAT

160. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan unit rumah prihatin & zakat yang telah dibina daripada 2015 hingga 2017.
- b) Siapakah yang memantau pembinaan rumah sebelum diserahkan kepada pemohon dan apakah kaedah pemantauan?
- c) Bagaimana status rumah prihatin dan zakat yang telah dibina diatas tanah kerajaan?

JAWAPAN:

- a) Berikut adalah bilangan unit rumah yang telah dibina daripada tahun 2015 hingga 2017:

**Bilangan Unit Rumah Yang Dibina Oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS)
Dari Tahun 2015-2017**

| Daerah | Tahun | | | Jumlah Keseluruhan |
|---------------------------|------------|------------|------------|--------------------|
| | 2015 | 2016 | 2017 | |
| Gombak | 10 | 1 | 4 | 15 |
| Hulu Langat | 31 | 12 | 7 | 50 |
| Hulu Selangor | 39 | 3 | 16 | 58 |
| Klang | 83 | 58 | 32 | 173 |
| Kuala Langat | 65 | 7 | 17 | 89 |
| Kuala Selangor | 111 | 6 | 19 | 136 |
| Petaling | 27 | - | 3 | 30 |
| Sabak Bernam | 100 | 7 | 19 | 126 |
| Sepang | 23 | 9 | 8 | 40 |
| HQ | 23 | - | - | 23 |
| Jumlah Keseluruhan | 512 | 103 | 125 | 740 |

- b) Setiap rumah yang dibina untuk asnaf akan melalui proses pemantuan oleh Eksekutif Teknikal Daerah Lembaga Zakat Selangor (LZS) bersama-sama dengan perunding arkitek yang dilantik LZS.

Proses pemantuan ini akan dilaksanakan bermula ketika pihak kontraktor yang dilantik LZS mula masuk tapak pembinaan dan sewaktu pihak kontraktor melaksanakan kerja-kerja superstruktur. Pemantauan diadakan pada keadaan di mana bermulanya kerja penyediaan tapak, semakan pada bahan-bahan melalui keputusan ujian bahan dan kekemasan binaan ketika pengesahan kerja.

Pembinaan rumah asnaf ini akan dinilai dari aspek kualiti melalui sistem penilaian QLASSIC mengikut format CIDB oleh wakil perunding CIDB.

- c) Berdasarkan kepada Garis Panduan dan Syarat Kelayakan Agihan Zakat, pemohon hendaklah mempunyai tanah/tapak sendiri untuk bantuan pembinaan rumah yang disediakan oleh LZS. Bagi pemohon yang menduduki tanah rizab kerajaan tidak layak untuk memohon bantuan ini kecuali mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak berkenaan.